Upah Khatam Al-Quran Haram & Bid’ah

Oleh:

Ust . Abu Farouq Rasul Bin Dahri

23 Muharam 1430H
20.01.2009

TEL :
012-7713635
019-7783635
07-3353635 (Rumah)
07-3345204 (Pejabat)

بســـم الله الرحمن الرحيم

إِنَّ الْحَمْدَ لله ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

{يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ} .

{يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِى خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيْرًا وَنِسَاءًا وَاتَّقُوْا اللهَ الَّذِيْ تَسَاءَلُوْنَ بِهِ وَالأَرْحَامَ إِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا} .

{يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا}

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الأُمُوْرِ مُحْدَثَاتُهَا ، وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

Soalan:

Apa hukum mengambil upah membaca al-Quran seperti menghatamkan al-Quran atau membaca beberapa ayat dari al-Quran kemudian mengambil bayaran dari bacaan tersebut dari orang-orang yang memberi upah (bayaran)?

Jawapan:

Al-Hamdulillah, wassalatu wassalmu 'ala Rasulillah, Amma ba'du:

Mengambil upah, mengenakan bayaran, menentukan harga sekali pun ia diistilahkan sebagai sagu-hati kepada seseorang pembaca, sama ada untuk membca beberapa ayat, surah, juz atau mengkhatam al-Quran seluruhnya maka semua itu adalah perbuatan haram, batil, bid'ah dan dicela oleh syarak. Telah berkata Syeikh Muhammad bin Abdul Aziz al-Mani' mengenai perkara ini:

اْلإِجَارَةُ عَلَى تِلاَوَةِ الْقُرْآنِ بَاطِلَة ، وَالآخِذُ وَالْمُعْطِيْ آثِمَانِ.

"Bayaran terhadap pembacaan al-Quran adalah batil. Yang mengambil dan yang memberi kedua-duanya berdosa".[1]

Terdapat banyak dalil-dalil atau hujah-hujah dari syarak, yang dengan jelas telah mengharmakan amalan mengambil bayaran, memberi upah atau memberi sesuatu kepada seseorang yang membacakan al-Quran.

---

[1]. Lihat: Iqamatu ad-Dalil wal-Burhan 'Ala Tahrimi Akhzil Ajr 'Ala Tilawatil al-Quran. Muhammad bin Abdul Aziz al-Mani'.

Terdapat banyak tulisan, kitab-kitab dan fatwa-fatwa yang ditulis oleh para ulama Salaf as-Soleh yang telah mengharamkan amalan memberi upah kepada pembaca al-Quran yang berdasarkan pengharamannya melalui dalil-dalil dari al-Quran dan as-Sunnah. Antara dalil-dalil dan hujah-hujah yang menunjukkan haram dan mungkarnya perbuatan tersebut ialah:

(1). عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِقْرَؤُوْا الْقُــرْآنَ ، وَلاَ تَغْلُوْا فِيْهِ ، وَلاَ تَأْكُلُوْا بِهِ.

(1). "Dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam baginda bersabda: Bacalah oleh kamu al-Quran, janganlah kamu melampaui batas padanya dan jangan kamu makan hasil dari membacanya".[2]

(2). عَنْ بُرَيْدَة : عَنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهَ وَسَلَّمَ :مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ يَتَأَكَّلُ بِهِ النَّاسُ ، جَاءَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ وَوَجْهُهُ عَظْمٌ لَيْسَ عَلَيْهِ لَحْم.

(1). "Dari Buraidah radiallahu 'anhu dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam baginda bersabda: Sesiapa yang membaca al-Quran kemudian makan harta manusia (hasil dari upah bacaan tersebut), maka ia akan datang dihari kiamat dalam keadaan wajahnya hanya tinggal tulang yang tidak berdaging".[3]

Hadis-hadis di atas menjelaskan tentang haram dan balasan ke atas seseorang yang memakan harta orang lain secara batil. Dan Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

---

[2]. H/R Ahmad Abu Ya'la. Berkata al-Haitami: Para perawi imam Ahmad di hadis ini siqah (terpercaya). Berkata Ibn Hajar Isnadnya kuat. Lihat: Fathul Bari.

[3]. H/R Al-Baihaqi dalam Sy'ub al-Iman.

وَلاَ تَأْكُلُوْا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ.

"Dan Janganlah kamu makan harta (wang) antara kamu dengan cara yantg batil".[4]

Terdapat juga firman-Nya yang menghabarkan tentang ketua-ketua agama Yahudi dan rahib-rahib Nasrani yang memakan harta orang lain dengn cara batil:

يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا إِنَّ كَثِيْرًا مِنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُوْنَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّوْنَ عَنْ سَبِيْلِ اللهِ.

"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya sebahagian besar dari orang-orang alim Yahudi dan rahib-rahib Nasrani benar-benar memakan harta orang dengan jalan yang batil dan mereka menghalangi-halangi (manusia) dari jalang Allah".[5]

Kemudian Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* mengkhabarkan tentang adanya dari kalangan umatnya yang menyerupai Yahudi atau Nasrani sebagaimana sabda baginda:

(3). عَنْ عِمْرَانِ بْنِ حُصَيْنِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَــلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : إِقْرَؤُوْا الْقُرْآنَ وَاسْأَلُوْا اللهَ بِهِ ، فَــإِنَّ مِــنْ بَعْدِكُمْ قَوْمًا يَقْرَؤُوْنَ الْقُرْآنَ يَسْأَلُوْنَ بِهِ النَّاس.

(2). "Dari Imran bin Husin radiallahu 'anhu dari Nabi sallallahu 'alihi wa-sallam baginda bersabda: Bacalah oleh kamu al-Quran, mintalah kepada Allah (ganjaran) dengannya. Sesungguhnya selepas kamu nanti terdapat

---

[4]. Al-Baqarah. 2:188.

[5]. At-Taubah. 9:34.

kaum yang membaca al-Quran untuk memint-minta (upah) kepada manusia melalui pembacannya itu".[6]

Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* telah mengharamkan seseorang dari memberi upah atau mengambil upah dari bacaan al-Quran walau dalam bentuk apa sekali pun upah tersebut. Baginda telah sabda:

(4). عَنْ عُبَّادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : عَلَّمْتُ رَجُلاً الْقُرْآنَ ، فَأَهْدَى لِيْ قَوْسًا ، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : إِنْ أَخَذْتَهَا أَخَذْتَ قَوْسًا مِنَ النَّارِ . فَرَدَّدْتُهَا.

(3). "Dari 'Ubadah bin as-Somat radiallahu 'anhu berkata: Aku mengajarkan seorang lelaki al-Quran, kemudian lelaki tersebut menghadiahkan kepadaku busar panah, aku adukan perkara tersebut kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam. Baginda bersabda: Sesungguhnya jika engkau mengambilnya engkau telah mengambil busar dari api neraka. Maka aku kembalikan busar tersebut".[7]

(5). خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ نَقْرَأُ الْقُرْآنَ ، وَفِيْنَا ٱلأَعْرَابِي وَٱلأَعْجَامِيْ . فَقَالَ : إِقْرَرُؤْا فَكُلٌّ حَسَن وَسَيَجِيْءُ أَقْوَامٌ يُقِيْمُوْنَهُ كَمَا يُقَامُ الْقِدَح ، يَتَعَجَّلُوْنَهُ وَلاَ يَتَأَجَّلُوْنَهُ.

(4). "Dari Jabir radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam keluar menuju kami dan kami sedang membca al-Quran, antara kami ada orang-orang Arab (Badawi) dan orang-orang yang tidak dikenali. Maka

---

6 . H/R Ahmad dan Tirmizi.

7 . H/R Ibn Majh

baginda bersabda: Bacalah oleh kamu kerana semuanya adalah kebaikan kerana akan tiba beberapa kaum menegakkannya (membaca tetapi melupakan batas-batasnya) dan berlumba-lumba mendapatkan upah di dunia tetapi tidak mengharapkan pahala (di akhirat)".[8]

(6). عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْـــهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِقْرَؤُهُ قَبْلَ أَنْ يَقْرَأَهُ قَوْمٌ يُقِيْمُوْنَهُ كَمَا يُقَامُ السَّهْم ، يَتَعَجَّلُوْنَ أَجْرَهُ وَلاَ يَتَأَجَّلُوْنَهُ.

(5). "Dari Sahal bin Sa'ad radiallahu 'anhu, sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Bacalah oleh kamu al-Quran sebelum dibaca oleh kaum yang membanggunkannya seperti membangunkan panah, mereka terburu-buru (berebut-rebut) mendapatkan upahnya tetapi tidak memperdulikan pahalanya".[9]

Membaca al-Quran dengan niat mencari keuntungan dunia (menjual dengan harga yang murah) adalah tercela, haram, batil dan bid'ah. Mereka yang melakukannya akan diazab jika mereka tidak mhu meninggalkan dan bertaubat. Allah *'Azza wa-Jalla* berfirman:

أُوْلَئِكَ الَّذِيْنَ اشْتَرَوُا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالآخِرَةِ فَلاَ يُخَفَّــفُ عَــنْهُمُ الْعَذَابُ وَلاَ هُمْ يُنْصَرُوْنَ.

"Itulh orang-orang yang membeli kehidupan dunia dengan (kehidupan) akhirat, maka tidak akan diringankan siksa mereka dan mereka tidak akan ditolong".[10]

---

8 . H/R Abu Daud.
9 . H/R Abu Daud.
10 . Al-Baqarah. 2 : 86.

Adalah jelas bahawa penerima upah atau bayaran dari pembacaan al-Quran adalah orang yang tidak ikhlas dalam beribadah sedangkan Allah berfirman:

وَمَا أُمِرُوْا إِلاَّ لِيَعْبُدُوْا اللهَ مُخْلِص لَهُ الدِّيْنَ.

"Dan mereka tiadalah disuruh melainkan supaya menyembah Allah serta mengikhlaskan agama bagi-Nya".[11]

---

[11] . Al-Bayyinah. 5:98.

Fatwa-Fatwa Para Ulama

وَقَدْ قَالَ الْعُلَمَاءُ : إِنَّ الْقَارِىءَ إِذَا قَرَأَ لأَجْلِ الْمَالَ فَلاَ ثَوَابَ لَهُ.

"Telah berkata para ulama: Sesungguhnya pembaca al-Quran jika sekiranya membaca kerana mengharapkan harta (bayaran), maka tidak ada pahala baginya".

قَالَ الإِمَامُ العَلاَّمَةُ الْعِيْنِي: وَيَمْنَعُ الْقَارِىءُ لِلدُّنْيَا ، وَالآخِذُ وَالْمُعْطِي آثِمَانِ.

Berkata Imam al-Allamah al-'Ieyni rahimahullah: Ditegah membaca (al-Quran) semata-mata kerana dunia, yang mengambil dan yang memberi kedua-duanya berdosa".[12]

وَقَالَ تَاجُ الشَّرِيْعَة : إِنَّ قِرَاءَةَ الْقُرْآن بِالأُجْرَةِ لاَيَسْتَحِقُّ الثَّوَاب لاَ لِلْمَيِّتِ وَلاَ لِلْقَارِىءِ.

"Berkata Taaju as-Syariah: Sesungguhnya membaca al-Quran dengan mengambil bayaran tidak layak mendapat pahala, sama bagi si Mati atau si Pembaca".

قَالَ ابْنُ حَمْدَان : فَلاَ تَصِح الإِجَارة عَلَيْهَا.

"Berkata Ibn Hamdan: Tidak sah (haram) upah terhadap pembacaan al-Quran".[13]

---

[12] . Lihat: عمدة القارى . شرح حديث البخارى. للعيني

[13] . Lihat: الإقناع

قَالَ الْعَلاَّمَةُ خَيْرُ الدِّيْن الرَّمْلِيْ : بِجَوَازِ الْأَخْذِ إِسْتِحْسَانًا عَلَى تَعْلِيْمِ الْقُرْآن ، لاَ عَلَى الْقِرَاءَةِ الْمُجَرَّدَةِ ، وَالْإِجَارَةُ فِى ذَلِكَ بَاطِلَةٌ وَهِيَ بِدْعَةٌ لَمْ يَفْعَلْهَا أَحَدٌ مِنَ الْخُلُفاء.

"Berkata al-Allamah Khairuddin ar-Ramli: Dengan membolehkan mengambil adalah kemuliaan di atas mengajarkan al-Quran, bukan kerana pembacaan, mengambil upah pada pembacaan al-Quran adalah suatu kebatilan, ia adalah bid'ah yng tidak pernah dilakukan oleh salah seorangpun dari para Khalifah".

قَالَ الْإِمَامُ الْبَركَوِي فِى أُمُوْرٍ مُبْتَدِعَةٍ وَبَاطِلَةٍ وَمِنْهَا : وَبِإِعْطَاء دَرَاهِم لِمَنْ يَتْلُو الْقُرْآن لِرُوْحِ الْمَيِّتِ ..... وَكُلُّهَا بِدعٌ مُنْكَرَةٌ بَاطِلَة ، والْمَأْخُوْذُ مِنْهَا حَرَامٌ لِلآخِذِ ، وَهُوَ عَاص بِالتِّلاَوَةِ والذِّكْرِ لأَجْلِ الدُّنْيَا.

"Telah berkata al-Imam al-Barkawi pada perkara yang dianggap bid'ah dan kebatilan, antaranya ialah: Memberi upah wang dirham kepada sesiapa membaca al-Quran untuk si Mati.... Semuanya itu adalah bid'ah yang mungkar dan kebatilan. Mengambil upah dari bacaan itu, haram yang mengambil. Dia berbuat maksiat dengn membaca al-Quran tersebut begitu juga bagi yang membaca kerana (mencari kepentingan) dunia".[14]

قَالَ ابْنُ تَيْمِيَّةُ رَحِمَهُ الله : وَلاَ يَصِحُّ الْإِسْتِئجَار عَلَى الْقِرَاءَةِ وَإِهْدَاؤُهَا إِلَى الْمَيِّتِ ، لأَنَّهُ لَمْ يُنْقَل مِنَ الْأَئِمَّةِ الْإِذْنِ فِى ذَلِكَ.

---

[14]. Lihat: At-Tariqatul Muhammadiyah. Fasal yang ketiga.

"Berkata Ibnu Taimiyah rahimahullah: Tidak sah mengambil bayaran terhadap pembaca al-Quran, menghadiahkan pahala untuk si Mati kerana sesungguhnya itu semua tidak pernah disalin dari para ualma yang mengizinknnya".[15]

Dan banyak lagi dalil-dalil dan fatwa-fatwa dari para ulama Salaf as-Soleh yang mengharamkan dan menghukum bid'ah perbuatan memberi upah (bayaran) atau mengambil upah (bayaran) dari pembacaan al-Quran.

---

[15]. Lihat: Ikhtiarat Syaikhul Islam.

Menjual Ayat Dengan Harga Yang Murah

Sesiapa yang mengaku bahawa dirinya beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, jika ia mengetahui bahawa mengambil upah (bayaran) terhadap amalan membaca al-Quran itu adalah haram, kemudian ia menyembunyikan kebenaran tersebut lalu mereka melakukan pekerjaan haram yang disedarinya, maka mereka telah diancam oleh Allah dengan firman-Nya:

فَوَيْلٌ لِّلَّذِيْنَ يَكْتُبُوْنَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيْهِمْ ثُمَّ يَقُوْلُوْنَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللهِ لِيَشْتَرُوْا بِهِ ثَمَنًا قَلِيْلاً فَوَيْلٌ لَّهُمْ مِّمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيْهِمْ وَوَيْلٌ لَّهُمْ مِّمَّا يَكْسِبُوْنَ.

"Maka kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis al-Kitab dengan tangan mereka sendiri, lalu dikatakannya: Ini dari Allah dengan maksud memperolehi keuntungan yang sedikit dengan perbuatan itu. Maka kecelakaan besarlah bagi mereka, akibat dari apa yang ditulis oleh tangan mereka sendiri dan kecelakaan besarlah bagi mereka akibat dari apa yang mereka kerjakan".[16]

Perbuatan menyembunyikan kebenaran setelah mengetahuinya ia adalah salah satu dari sikap dan perbuatan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) yang keji. Sesiapa yang meniru atau menyerupai sesuatu kaum, maka dia akan jadi seperti kaum tersebut. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ.

"Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia tergolong dari golongan kaum tersebut".

---

[16]. Al-Baqarah. 2:79.

Sikap Yahudi Dan Nasrani

Allah *'Azza wa-Jalla* telah berfirman tentang orang-orang Yahudi dan Nasrani yang sengaja mencari keuntungan melalui (menjual) ayat-ayat Allah. Apa yang menimpa Ahli Kitab kini telah berlaku di kalangan umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam*, antaranya ialah mengambil upah membaca ayat-ayat Allah (al-Quran) dengan harga yang murah sedangkan mereka tahu tentang pengharaman perbuatan mereka.

Allah telah menjelaskan tentang hal keadaan mereka yang melakukan pekerjaan yang keji dan bid'ah dan mengkhabarkan balasan yang akan ditimpakan ke atas mereka. Firman Allah:

إِنَّ الَّذِيْنَ يَكْتُمُوْنَ مَآ أَنْزَلَ اللهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَشْتَرُوْا بِهِ ثَمَنًا قَلِيْلاً أُوْلَئِكَ مَا يَأْكُلُوْنَ فِى بُطُوْنِهِمْ إِلاَّ النَّارَ وَلاَ يُكَلِّمُهُمُ اللهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلاَ يُزَكِّيْهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيْمٌ.

"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah diturunkan Allah, iaitu al-Kitab dan menjualnya dengan harga yang sedikit (murah), mereka itu sebenarnya tidak memakan (tidak menelan) ke dalam – perutnya melainkan api dan Allah tidak akan berbicara kepada mereka pada hari kiamat dan tidak akan mensucikan mereka dan bagi mereka siksa yang amat pedih".[17]

---

[17]. Al-Baqarah. 2:174.

Upah Merukyah (Menjampi) Dengan al-Quran

Sebahagian ulama hadis menjelaskan bahawa pembaca mengambil upah hanya kerana pengubatan sahaja bukan kerana bayaran bacaan (untuk tujuan pengubatan dan perubatan). Oleh kerana itu berkata al-Bagawi:

وَفِيْهِ دَلِيْلٌ عَلَى جَوَازِ الرُّقْيَةِ بَالْقُرْآنِ ، وَبِذِكْرِ اللهِ وَأَخْذ اْلأُجْرَة عَلَيْهِ ، لأَنَّ الْقِرَاءَةَ وَالنَّفْثَ مِنَ اْلأَفْعَالِ الْمُبَاحَةِ ، وَفِيْهِ إِبَاحَة أَجْر الطَبِيْب وَالْمُعَالَج ، فَجَعَلَ الْمَأْخُوْذ عَلَى الْمُعَالَجَةِ لاَ عَلَى مَجَرَّدِ التِّلاَوَةِ.

"Padanya menjadi dalil untuk membolehkan merukyah dengan al-Quran dan zikrullah, mengambil upah merukyah dengan al-Quran dan zikrullah. Kerana pembacaan dan rukyah perbuatan dari perbuatan-perbuatan yang dibolehkan seperti dibolehkan mengambil upah rawatan dan penyembuhan. Maka mengambil upah hanya semata-mata pengubatan".[18]

---

[18]. Lihat: Syarah as-Sunnah. Al-Bahagawi.

SENARAI KULIAH–KULIAH UST RASUL DAHRI (SINGAPURA)

HARI	MASA	KAWASAN	ALAMAT	TALIPON
JUMAAT	9 – 1100 MLM	TAMPINES	BLK 824 #02-14, TAMPINES ST 91,	SDR. RAHMAD (HP 96371164)
RABU	9 – 1100 MLM	TOH GUAN	BLK 279 #15-201, TOH GUAN RD,	SDR. JABAR (HP 97705468)
KHAMIS	9 – 1100 MLM	EUNOS	NO .84, JALAN EUNOS	SDR. IDRIS (H/P 94354695)
SELASA	9 – 1100 MLM	JURONG	BLK 934 #03-314, JURONG WEST ST 91,	SDR. SA'ADON (TEL 68628435)
SABTU	9 – 1100 MLM	WOODLANDS	PENDIDIKAN ASAS DARU ASHOMIDDIN WOODLANDS POINT, #03-01	SDR. SUPAAT (H/P 92328941)

Terbuka kapada sesiapa yang ingin mengikuti pengajian berlandaskan
Al-Quran dan As.–Sunnah yang bermanhaj 'SALAF'

rasuldahri.com

mengajak manusia mengamalkan Al-Quran dan As-Sunnah dengan pemahaman salaful ummah

pelancaran webTV

ENAM saluran
bakal menamui ANDA

Ikutilah Siri Kajian ImamSyafie Secara Langsung

Kami sedang berusaha menyediakan infrastruktur supaya Kajian ImamSyafie dapat diikuti melalui internet. Rakan-rakan kita di mana sahaja, bahkan di seluruh dunia kini boleh mengikuti kuliah, berdiskusi dan menanyakan kemusykilan secara langsung.

Siri Kajian ImamSyafie melalui Paltalk yang dilancarkan sejak bulan Mac 2007 mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada sahabat kita yang sedang berada di luar Negeri terutamanya Korea, Jepun, Indonesia, Perancis, dan Brunei.

Untuk peringkat selanjutnya, kami sedang berusaha menyediakan webTV berisi siri rakaman kuliah dan pada masa akan datang menayangkan webTV kajian secara langsung. Mudah-mudahan usaha ini mendapat pertolongan dari Allah, Amin.

Siri Kajian ImamSyafie secara langsung boleh diikuti menggunakan PALTALK MESSENGER

CARA MEMASANG PALTALK

1. Sila download dan install paltalk dari www.paltalk.com
2. Sekiranya anda belum pernah mendaftar sila klik New user? Start Here di laman www.paltalk.com
3. Sila login ke Paltalk Messenger Klik {*Join a Chat Room*} dari menu {*Actions*}.
   Apabila {*Rooms List*} terbuka:
4. Pilih {*Religion and Theology*}
5. Pilih {*Islam*}
6. Pilih {*Kajian ImamSyafie*}

JADUAL KAJIAN BOLEH DIRUJUK DI WWW.RASULDAHRI.COM

webTV

Kini mencecah 30,000 pelawat dan dijangka mencapai 500,000 setahun

www.rasuldahri.com

Jika anda tidak dapat melihat video, sila download dan install pemain video sopcast dari www.sopcast.com

Kami berusaha melayani kesulitan anda, sila hubungi: admin@rasuldahri.com